SOALAN NO.: 314

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
KAWASAN : BATU GAJAH

SOALAN:

YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf jalan besar Ipoh-Lumut. Adakah Kementerian bercadang untuk memasang tiang lampu dari simpang Bukit Kledang, Menglembu sehingga Jelapang Square memandangkan keadaan amat gelap kerap mengundang kemalangan di situ.

36

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan besar Ipoh – Lumut yang terletak di Laluan Persekutuan 5 (FT05) telah dinaik taraf sepanjang 48km dengan kos sebanyak RM175 juta yang telah siap pada tahun 2008. Pada masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk menaik taraf laluan tersebut tertakluk kepada hasil kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP) Tahun 2020 – 2035 yang sedang dijalankan oleh perunding yang dilantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemasangan lampu jalan di sepanjang laluan akan melibat kos yang tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan menghadkan pemasangan lampu jalan kepada kawasan berisiko kemalangan seperti persimpangan, selekoh dan kawasan tumpuan awam. Setakat ini Kementerian Kerja Raya telah memasang lampu-lampu jalan di setiap persimpangan terlibat dari simpang Bukit Kledang, Mengelembu sehingga ke Jelapang Square.

Sekian, terima kasih.